

29 AUG 1998

Nik Aziz-Sarawak (Bergambar)

SARAWAK PATUT BUKA PINTU KEPADA PARTI LAIN

KOTA BAHARU, 29 Ogos (Bernama) -- Mursyid Am PAS, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat berkata parti-parti politik dari Semenanjung termasuk UMNO dan PAS berhak untuk mengembangkan sayap masing-masing ke Sarawak.

Beliau berkata sebagai sebuah negeri dalam negara yang mengamalkan demokrasi, Sarawak patut membuka pintu kepada parti-parti lain untuk bertapak di negeri itu.

"Tidak membenarkan parti lain masuk ke Sarawak itu tidak betul dan bukan demokrasi," katanya kepada pemberita selepas melancarkan Produa Kembara, kenderaan pacuan empat roda pertama buatan Malaysia, di sini hari ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, semalam bahawa UMNO memang berminat mengembangkan sayap ke Sarawak tetapi keputusan mengenainya terletak di tangan rakyat negeri itu.

Menteri Besar Kelantan itu berkata demokrasi memberi peluang kepada rakyat untuk menerima dasar-dasar yang diamalkan oleh parti-parti lain.

PAS pernah mencuba untuk bertapak di negeri itu bagaimanapun terdapat gangguan dan parti itu tetap berminat untuk memasuki Sarawak, katanya.

Mengenai Produa Kembara, Nik Aziz berbangga dengan keupayaan Malaysia mengeluarkan kenderaan pacuan empat roda itu dalam keadaan kegawatan ekonomi dan berharap rakyat negara ini mengutamakan pembelian barangan buatan Malaysia.

Beliau berkata kehadiran Produa Kembara di negeri ini membuktikan kegawatan ekonomi tidak menjejaskan kehidupan rakyat termasuk untuk membeli kenderaan buatan tempatan itu.

--BERNAMA

BD oba